

PENDEKATAN PENULISAN



MOHAMED NAIM DAUPI

1

PENDEKATAN TERKAWAL

2

**PENDEKATAN KARANGAN
BEBAS**

3

PENDEKATAN MODEL

PENDEKATAN PENULISAN

4

PENDEKATAN PANCAINDERA

5

PENDEKATAN KOMUNIKATIF

6

PENDEKATAN PROSES

PENDEKATAN PENULISAN



PENDEKATAN TERKAWAL

- Pendekatan yang dirancang secara berurutan supaya murid-murid menguasai suatu unsur penulisan dan ketatabahasaan.
- Murid-murid dikehendaki menyudahkan tugas berdasarkan bahan serta mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan.



PENDEKATAN TERKAWAL

- Pendekatan ini menekankan ketepatan daripada kemahiran dan keaslian.
- Meliputi pengajaran yang bersistem dan beransur-ansur; daripada kegiatan meniru hingga penulisan bebas.



PENDEKATAN TERKAWAL

- Penggunaan bahan-bahan pengajaran / pemelajaran yang fleksibel yakni boleh menerapkan pelbagai jeniskarangan, boleh disesuaikan dengan peringkat kelas, boleh merentas kurikulum, dsb.
- Membolehkan pelajar-pelajar mengukur pencapaiannya pada latihan-latihan yang tertentu dan terbatas.



PENDEKATAN TERKAWAL

- **Tidak sukar membuat persediaan.**
- **Meringankan kerja guru; pantas dan mudah diperiksa.**
- **Guru dapat merancang latihan pemulihan yang berkesan.**



PENDEKATAN TERKAWAL

ANTARA KEGIATANNYA :

- Menggunakan gambar
- Menggunakan carta
- Menggunakan cerita daripada kaset
- Menyusun perkataan / frasa
- Melengkapkan ayat
- Menyusun ayat
- Menukarkan dialog dan sebagainya.



PENDEKATAN KARANGAN BEBAS

- Pendekatan ini berdasarkan satu tajuk pilihan atau tajuk yang dikhususkan.
- Lebih menitikberatkan kuantiti daripada kualiti dan kurang memberikan perhatian akan pembetulan kesilapan.
- Berdasarkan latihan yang kerap dan berterusan, kemahiran menulis dapat dibentuk.



PENDEKATAN KARANGAN BEBAS

- Biasanya pendekatan ini mementingkan isi daripada bentuk.
- Terdapat juga karangan yang diketengahkan bagi pembacaan / pendengaran murid yang disusuli dengan komen.
- Pendekatan ini mengutamakan kandungan dan khalayak.



PENDEKATAN MODEL

Pada dasarnya, pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengarang melalui pembacaan atau dengan mempelajari segala aspek penulisan daripada karangan contoh.



PENDEKATAN MODEL

Pendekatan ini juga menghendaki murid meniru sesuatu perenggan contoh, menganalisis bentuk perenggan sesebuah karangan atau mencontohi karangan contoh



PENDEKATAN MODEL

Selain daripada itu, murid-murid juga membuat latihan dengan menyusun perenggan yang tidak teratur; memilih atau mencipta tajuk yang sesuai, menambah atau memansuhkan keterangan atau ayat dan sebagainya.



PENDEKATAN MODEL

STRATEGI KAEDAH

CARA TRADISIONAL

Karangan contoh diberikan sebelum murid mula mengarang dan perbincangan dijalankan setelah murid selesai mengarang.



PENDEKATAN MODEL

STRATEGI KAEDAH

CARA NONTRADISIONAL

Karangan contoh digunakan pada tahap-tahap tertentu ketika murid mengarang dan keseluruhannya hanya diberikan setelah mereka selesai menulis draf pertama. Kemudian, mereka membandingkan karangan mereka dengan karangan contoh.



PENDEKATAN PANCAINDERA

Terdapat perkaitan yang kompleks antara bahasa, pengalaman dan daya berfikir seseorang murid.



PENDEKATAN PANCAINDERA

Pengalaman seseorang boleh menjadikan bahasa asas / isi karangan mereka bertambah.



PENDEKATAN PANCAINDERA

Murid-murid menyatakan pengalaman pancaindera (penglihatan, pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian) mereka dengan suatu tajuk karangan. Berdasarkan pengalaman ini, mereka mengumpulkan kekata (berkongsi idea/isi) lalu mengarang secara individu, berpasangan atau berkumpulan.



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

**Pendekatan ini menekankan
tujuan sesebuah karangan
dan khalayaknya.**



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

Murid-murid digalakkan mengarang seperti penulis dewasa dengan berpandukan dua soalan ini:

- 1 Mengapa saya menulis karangan ini? dan**
- 2 Siapa yang akan membaca karangan saya?**



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

Secara tradisional, guru merupakan khalayak kepada karangan murid-murid. Walau bagaimanapun, penulis berasa lebih selesa apabila karangannya memenuhi jaluran komunikatif.




PENDEKATAN KOMUNIKATIF

Dengan demikian, guru yang menggunakan pendekatan ini meluaskan khalayaknya dengan menyertakan murid-murid lain di dalam kelasnya yang bukan hanya membaca karangan tersebut tetapi melakukan tindak balas seperti memberikan idea tambahan, membuat ikhtisar, menulis semula dengan pelbagai bentuk, memberikan komen tetapi bukan bertujuan untuk membuat pembetulan.



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

Atau, guru boleh membangunkan khalayak `di luar sekolah' dengan menggalakkan murid-murid menulis kepada seseorang seperti:





PENDEKATAN KOMUNIKATIF



Anda dikehendaki menulis kepada seorang sahabat pena anda dengan memberitahunya akan keadaan bilik anda. Katakan kepadanya anda menggemari bilik anda itu kerana perabotnya tersusun dengan kemas, kawasannya luas, berhawa dingin dan sebagainya.



PENDEKATAN KOMUNIKATIF



Anda menulis surat kepada ibu saudara anda dengan memberitahu beliau akan keadaan bilik anda. Katakan kepadanya anda tidak menggemari keadaan bilik anda itu dan ingin membuat perubahan supaya lebihs elesa. Katakan kepada beliau bahawa anda memerlukan bantuannya kerana beliau seorang penghias rumah.



PENDEKATAN KOMUNIKATIF



Katakan anda akan menerima seorang tetamu buta. Tulis surat kepada tetamu anda itu akan keadaan bilik anda dengan lengkap supaya tetamu anda itu dapat membuat gambaran tentang bilik tersebut semasa dia menginap nanti. Tulisan anda itu akan dirakamkan ke dalam pita kaset supaya mudah rakan anda mendengarnya.



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

**Ketiga-tiga bentuk di atas
lebih baik daripada
menyuruh murid-murid
menulis tentang
‘bilik saya’.**



PENDEKATAN KOMUNIKATIF

Pembentukan khalayak boleh berlaku andainya guru memberikan tugas yang wajar seperti main peranan, bertukar surat, menjawab surat, membuat pertanyaan, memberikan komen dan sebagainya.



PENDEKATAN PROSES

Pengajaran / pembelajaran karangan semasa telah berubah daripada memberikan pemusatan untuk menghasilkan karangan kepada memberikan penekanan kepada proses penulisan.



PENDEKATAN PROSES

Selain daripada mengetahui tujuan mengarang dan khalayaknya, murid-murid juga memberikan perhatian akan dua soalan berikut:

- 1** Bagaimanakah akan saya karang?
- 2** Bagaimanakah saya memulakannya?



PENDEKATAN PROSES

**Murid-murid hendaklah diberi peluang
`menjelajahi' tajuk yang dikhususkan
pada tahap kegiatan prapenulisan seperti
berbincang, membaca, berbahas,
merembas otak dan sebagainya.**



PENDEKATAN PROSES

Semua penulis biasanya memulakan tugasnya dengan membuat perancangan dan murid-murid hendaklah dilatih supaya tanggapan pertama yang diturunkannya di kertas bukanlah hasil karangannya tetapi hanya sebagai langkah permulaan; idea pertama dan lakaran awal.



PENDEKATAN PROSES

- ❖ Murid-murid dikehendaki menyudahkan kerja dalam jangka masa tertentu
- ❖ Lakaran awalnya itu dibaca/dikomen oleh guru atau murid lain
- ❖ Murid berkenaan akan memperolehi idea baru, struktur kalimat baru, kekata baru yang akan diterapkan dalam tulisan penyemakannya yang kedua (*second draft*)



PENDEKATAN PROSES

Melalui Pendekatan Proses, murid-murid tidak menulis berdasarkan tajuk dan masa yang ditetapkan untuk guru memeriksanya atau mencari kesilapan / kesalahan. Malah, guru memberi peluang kepada murid dengan memberikan tindak balas akan draf pertama supaya murid-murid dapat berkongsi idea dan terus berfikir untuk menghasilkan sebuah karangan yang bermutu.



PENDEKATAN PROSES

Pendekatan Proses memberikan murid masa yang mencukupi untuk meneroka idea baru dan memberikan lapor balik akan kandungan yang dirangka atau diburam (draft).

SEKIAN